

UCSI University sambar lima emas renang

Oleh [Izzali Ismail](#) - September 12, 2024 @ 4:19pm
bhsukan@bh.com.my



Perenang UCSI University bergambar kenangan selepas meraih lima emas pada hari pertama acara renang SUKIPT di UUM, Sintok semalam. – Foto NSTP/Izzali Ismail

SINTOK: Acara renang yang memulakan saingan semalam menyaksikan UCSI University berjaya meraih lima pingat emas, satu perak dan satu gangsa - kutipan emas tertinggi pada hari pertama Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2024 di Pusat Akuatik Universiti Utara Malaysia (UUM).

Lima pingat emas berkenaan diperoleh menerusi acara 200 meter gaya bebas wanita menerusi Mandy Lim Jia Jia dengan masa 2 minit 57.12 saat, 200m gaya bebas lelaki (Khiew Hoe Yean 1:52.50s), 100m kuak kupu-kupu lelaki (Low Zheng Yog, 800m gaya bebas wanita (Teo Sze Hui) dan 4x200m gaya bebas lelaki.

UCSI University disaingi Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology (TAR UMT) yang memperoleh tiga pingat emas, tiga perak dan dua

gangsa manakala Sunway University juga meraih tiga pingat emas pada hari kedua dan ketiga.

Pengurus pasukan UCSI University, Khiew Tze Yean berkata pungutan lima emas, satu perak dan satu gangsa pada hari pertama acara renang itu disifatkan satu perkembangan baik dalam SUKIPT kali ini.

"Kami menasarkan sekurang-kurangnya lapan hingga sembilan emas kali ini dan kami harap dapat mencapai sasaran itu kerana kami memiliki perenang yang berpotensi.

"Jadi kami berharap dengan semangat yang kami peroleh pada hari pertama ini, kami mampu menambah lagi bilangan pingat untuk acara pada hari seterusnya," katanya.

Sementara itu, pengurus pasukan TAR UMT, Ko Chun Shong berkata, tiga emas yang dimenangi pasukannya adalah dari perenang wanita, termasuk acara berganti-ganti bebas wanita yang dianggap satu kejutan yang cukup menggembirakan kontinjeninya.

"Perenang wanita memberi harapan buat kami dalam sukan ini dan kami harapkan untuk acara seterusnya esok dan lusa untuk kami meningkatkan lagi keupayaan bagi kutipan pingat.

"Kami akan teruskan usaha memburu pingat seterusnya dan di sebalik usaha yang kami mahu lakukan itu, kami juga cuba mengelak sebarang tekanan bagi memastikan atlet kami tampil lebih berkeyakinan," katanya.